

11 DEC 2001

Arroyo-Misuari

MANILA BUAT PERSEDIAAN BAWA BALIK MISUARI, KATA ARROYO

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo berkata Manila sudah sedia membawa balik pemimpin Islam Nur Misuari selepas Malaysia selesai menyiasat kemasukannya secara haram ke negara itu.

Arroyo berkata beliau tidak mahu Misuari menjadi beban kepada Malaysia dan sudah membuat persediaan mengenai cara mana untuk membawanya baik dan tempat untuk menahannya kerana bekas ketua pemberontak itu akan ditahan dan tuduhan akan difailkan.

Mengenai persoalan sama ada Misuari akan dihantar ke negara ketiga, Arroyo berkata: "Saya lebih suka membawanya pulang ke Filipina selepas Malaysia selesai menyiasat beliau."

Presiden Filipina itu berkata demikian pada temubual yang disiarkan oleh TV3 dalam program "In Conversation" malam ini.

Arroyo berkata Filipina memperakui bahawa Malaysia perlu menyiasat Misuari kerana melanggar undang-undang Malaysia dan sedia menerimanya semula selepas Kuala Lumpur selesai menyiasatnya.

"Kini pastinya, jika Malaysia merasakan bahawa adalah lebih baik membawa beliau balik, kami sudah sedia untuk mengambilnya semula ke Filipina selepas Malaysia selesai menyiasat," katanya.

Arroyo ditemubual oleh pengurus besar kanan bahagian berita dan hal ehwal semasa TV3 Datuk Chamil Wariya, ketua koresponden ABS-CBN Manila Korina Sanchez, penerbit berita eksekutif RCTI Indonesia Roy Tindage dan pengarah berita luar negara iTV Chib Jitniyom.

Temubual itu dirakamkan pada 7 Dis di Istana Malacanang di Manila.

Ditanya mengenai kelewatan membawa balik Misuari, beliau berkata mereka mahu menstabilkan keadaan di selatan Filipina dan berterima kasih kepada Malaysia kerana menghormati jadual itu.

"Saya tidak mahu Misuari balik seperti seorang wira," katanya.

Misuari, pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro, ditahan dekat Sandakan, Sabah, pada 24 Nov dan menghadapi tuduhan melancarkan peperangan di selatan Filipina.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Misuari yang ditahan kerana memasuki negara ini secara haram, hanya akan ditahan selama sebulan dan mungkin dihantar ke negara ketiga jika Filipina enggan menerimanya semula.

"Tiada sebab kita hendak menahannya di sini. Kita akan menghantarnya balik ke Manila bila-bila masamereka (kerajaan Filipina) mahu," katanya.

Dalam temubual selama sejam itu, Arroyo, yang mengambilalih jawatan daripada bekas presiden Joseph Estrada 12 bulan lepas, juga bercakap mengenai rancangannya untuk memerangi keganasan dan kemiskinan dalam dekad ini.

Katanya matlamat beliau adalah untuk mengatasi kemiskinan yang beliau sifatkan berkait rapat dengan keganasan dalam tempoh sedekad serta mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan rakyat.

Sejak memegang jawatan itu, Arroyo telah melaksanakan perubahan dalam sektor kewangan termasuk merangka undang-undang pelaburan wang haram, memulihkan Bank Nasional Filipina dan reformasi tanah.

-- BERNAMA

DC DC LAT